

# **STPM Kertas 1 2019:**

## **Soalan 3**

- (a) Kewujudan kumpulan wang rizab adalah satu daripada keunikan yang terdapat dalam sebuah perniagaan koperasi berkanun. Mengapakah kumpulan wang rizab ini diwajibkan kepada semua perniagaan koperasi berkanun seperti yang termaktub dalam Akta Koperasi 1993? (3)
- (b) Nyatakan dua perbezaan antara modal saham dengan modal caruman. (2)
- (c) Imbangan duga Koperasi Sri Ledang Berhad pada 31 Disember 2017 adalah seperti yang berikut:

	<i>Debit</i> (RM)	<i>Kredit</i> (RM)
Jualan		4,400,000
Belian	3,200,000	
Pulangan belian		5,000
Pulangan jualan	112,000	
Angkutan masuk	23,000	
Pendapatan pelaburan		20,000
Belanja gaji	48,000	
Yuran audit luar	40,000	
Belanja sewa	60,000	
Belanja pengangkutan	68,000	
Deposit utiliti	12,000	
Belanja faedah	45,000	
Belanja Am	40,000	
Belanja mesyuarat agung	40,000	
Kenderaan	740,000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		148,000
Peralatan pejabat	180,000	
Susut nilai terkumpul peralatan pejabat		36,000
Tanah	700,000	
Pelaburan saham	500,000	
Tunai	460,000	
Inventori pada 1 Jan 2017	442,000	
Akaun belum terima	573,000	
Insurans prabayar	23,200	
Modal saham		1,000,000
Premium saham		50,000
Keuntungan terkumpul		43,000
Pinjaman bank 6%		1,500,000
Kumpulan wang rizab berkanun		23,900
Kumpulan wang kebajikan am ahli		12,000
Akaun belum bayar		48,000
Peruntukan hutang ragu		4,300
Gaji belum bayar		16,000
<b>Jumlah</b>	<b>7,306,200</b>	<b>7,306,200</b>

*Maklumat tambahan*

- (1) Peruntukan hutang ragu ditetapkan seperti yang berikut:

Amaun (RM)	Pengumuran Penghutang (hari)	Hutang ragu (%)
20,000	1 – 30	1
30,000	31 – 40	5
23,000	➤ 40 hari	20

- (2) Susut nilai bagi aset kenderaan dan peralatan pejabat, masing-masing ditetapkan pada kadar 20% dan 10% daripada kos.
- (3) Faedah pinjaman bank untuk bulan Julai hingga Disember 2017 masih belum dibayar.
- (4) Pada 30 Disember 2017, seorang pekerja koperasi telah menyaman koperasi sebanyak RM50,000 kerana kemalangan di tempat kerja. Akibat kemalangan ini beliau telah patah tangan dan kaki. Pekerja itu mendakwa bahawa sistem keselamatan di tempat kerja tidak mengikuti piawai yang ditetapkan sehingga menyebabkan beliau terlibat dalam kemalangan. Peguam koperasi berpandangan bahawa syarikat berkemungkinan besar akan kalah dalam kes itu.
- (5) Bayaran elauan kepada enam ahli Lembaga Pengarah Koperasi ditetapkan pada kadar RM10,000 seorang.
- (6) Elauan juru audit dalaman ialah RM10,000.
- (7) Inventori pada 31 Disember 2017 ialah RM220,000.
- (8) Dividen dicadangkan adalah 10% daripada pendapatan bersih koperasi.
- (9) Agihan daripada keuntungan bersih koperasi dicadangkan seperti yang berikut:

- (i) Kumpulan Wang Kebajikan Am Ahli sebanyak 10%.
- (ii) Kumpulan Wang Rizab Berkanun sebanyak 12%
- (iii) Kumpulan Wang Pendidikan Koperasi sebanyak 2%.
- (iv) Kumpulan Wang Pembangunan Koperasi sebanyak 1%.
- (v) Sumbangan kepada ANGKASA sebanyak 1%.
- (vi) Sumbangan zakat sebanyak 2.5%.

**Dikehendaki:**

- (i) Sediakan penyata pendapatan komprehensif Koperasi Sri Ledang Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 2017. (11)
- (ii) Sediakan penyata pembahagian untung dan rugi Koperasi Sri Ledang Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 2017. (4)